

TARIKH	23/10/2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	5	RUANGAN	Negara

## Jemaah haji Malaysia bersiap sedia ke Padang Arafah

**MEKAH** – Jemaah haji Malaysia kini bersiap sedia untuk bergerak ke tapak perkhemahan di Padang Arafah kira-kira 22 kilometer dari sini untuk menjalani ibadah wukuf iaitu rukun haji kedua.

Ketua Rombongan Haji Malaysia, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, beliau sangat berpuas hati dengan pemasangan

khemah-khemah itu di tapak yang sama pada tahun lepas.

“Saya rasa lokasinya amat baik kerana terletak di pinggiran jalan dan ini akan memudahkan pergerakan keluar masuk bas kita,” katanya kepada pemberita selepas meninjau tapak perkhemahan itu di Padang Arafah semalam.

Beliau berkata, antara pembeda-

haruan yang diperkenalkan tahun ini ialah penggunaan sistem audio visual elektronik untuk memanggil jemaah haji menaiki bas-bas yang disediakan untuk pergerakan ke Muzdalifah dan Mina.

Sebanyak 220 khemah disediakan untuk setiap maktab atau kumpulan jemaah haji (2,200 orang) dan setiap khemah akan memuat-

kan 10 orang jemaah, katanya.

Beliau berkata, jemaah haji Malaysia akan mula bergerak ke Padang Arafah pada 24 Oktober selepas waktu Zuhur (atau kira-kira pulak 5 petang waktu Malaysia).

Pergerakan dijangka selesai

pada 11 malam (waktu tempatan).

“Dari Padang Arafah, jemaah haji akan dibawa ke Muzdalifah

selepas Maghrib dan akan menunggu separuh malam sebelum bergerak ke Mina untuk tujuan melontar Jamrah pada 10, 11, 12 dan 13 Zulhijjah,” katanya.

Seramai 28,000 jemaah haji Malaysia akan berada di Padang Arafah, Muzdalifah dan Mina selama lima hari sebelum balik ke Mekah, katanya. – Bernama